

KUALA LUMPUR, 25 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU BAHAWA MEREKA AKAN KEMBALI KE KEDUDUKAN DALAM ZAMAN PENJAJAHAN SEKIRANYA MEREKA TIDAK BERSEDIA MEMUTUSKAN PEGANTUNGAN MEREKA KEPADA ORANG LAIN UNTUK MAJU.

KATANYA, WALAUPUN SIKAP SELALU BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN +UNTU- KESENANGAN HIDUP+ ITU MERUPAKAN SATU CIRI KEHIDUPAN ORANG MELAYU DI ZAMAN PENJAJAH DULU, IA MASIH DIAMALKAN OLEH SETENGAH- SETENGAH GOLONGAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEMERDEKAAN TELAH MEMBOLEHKAN ORANG-ORANG MELAYU MENEBUS KUASA POLITIK DAN PENTADBIRAN SERTA MEN- GURUSKAN PERTAHANAN NEGARA SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, DALAM BIDANG YANG MEMERLUKAN KECEKAPAN DAN KESUN- GGUHAN BEKERJA, MEREKA MASIH KETINGALAN.

+KITA MASIH BERHARAP KEPADA ORANG LAIN BUKAN SAHAJA DALAM BIDANG KERJA YANG MEMERLUKAN KEPINTARAN DAN KECEKAPAN, TETAPI DALAM KERJA YANG BERAT SEDIKIT ATAU KOTOR SEDIKIT ATAU TIDAK SELESA SEDIKIT KITA MASIH TIDAK SANGGUP DAN MASIH BERSIFAT DEPENDENT,+ UJAR BELIAU.

—BERSAMBUNG 0919/HM

B509

UMNO-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR,

KEADAN INI DIBURUKKAN PULA OLEH GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU TERMASUK DAR I KALANGAN MASYARAKAT MELAYU YANG SENGAJA MENYEBARKAN DAXYAH-DAKYAH TERTENTU UNTUK MENJADIKAN BANGSA MEREKA SEND IR I LEMAH, TIDAK MAHU BEKERJA KERAS DAN BERPURA-PURA.

DATUK SER I DR. MAHATH IR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MEMBER IKAN INGATAN IN I DALAM AMANATNYA KET IGA MERASMIKAN PEMBUKAAN SERENTAK PERHIMPUNAN AGUNG PERGERAKAN PEMUDA DAN WAN ITA UMNO DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTER I BERKATA ORANG-ORANG MELAYU HARUS DI- INGATKAN APABILA MEREKA MENJADI SOMBONG DAN BONGKAK KERANA KUASA, APABILA MEREKA T IDAK LAG I MENUNTUT ILMU KERANA KUASA BOLEH MENGUASAI ILMU YANG ADA PADA ORANG LA IN, APAB ILA ORANG MELAYU T IDAK LAG I MAHU BEKERJA ATAU MEMIKUL SENJATA UNTUK MEMPERTAHANKAN DIR I, MAKA ALAMATNYA IALAH ORANG MELAYU SUDAH SEPARUH JALAN KE ARAH KEMUSNAHAN.

KATANYA, +T ITIK-T ITIK PERMULAAN NILA IN ILAI EURUK IN I+ DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU SUDAH PUN MULA KELIHATAN.

MENURUT BATUK SER I DR. MAHATHIR APA YANG DIPERLUKAN DARI ORANG MELAYU SEKARANG BUKAN LAG I +POL ITIK JAGUH MENDESAK+ TETAP I PENYERAPAN SEMULA SATU SIKAP DAN SISTEM NILAI YANG MULIA YANG SUDAH DIPISAH DAR I MEREKA OLEH PENJAJAH.

BARISAN NASIONAL SETAKAT INI SEDIKIT SEBANYAK TELAH BERJAYA MEMPERBAIKI KEDUDUKAN ORANG MELAYU, MASIH RAMAI ORANG MELAYU YANG MENCAH JALAN MUDAH UNTUK MENCAPAI SESUATU SEPERTI YANG PERNAH DIAMALKAN OLEH NENEK MOYANG MEREKA DAHULU. —BERSAMBUNG 0938/HM

UMNO-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

AKIBAT DARI SIKAP SEUMPAMA INI, PROGRAM-PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN TIDAK DAPAT MENCAPAI MATLAMAT YANG DIHASRATKAN.

KATANYA, KESUKSESAN KERAJAAN YANG DISOKONG OLEH TENAGA DAN PERUNTUKAN YANG SEBANYAK-BANYAKNYA DALAM PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT SEPATUTNYA SUDAH LAMA MENDATANGKAN HASIL.

+TIDAK ADA LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL YANG TIDAK DIAMBIL OLEH KERAJAAN, UNDANG-UNDANG, JENTERA PENTADBIRAN DAN PERUNTUKAN WANG, SEMUANYA DISEDIAKAN SUPAYA KEPENTINGAN RAKYAT TIDAK TERGANGGU GUGAT.

+JIKA KUASA KERAJAAN BOLEH MENGATASI SEGALA-GALANYA, HARI INI MALAYSIA TIDAK ADA MASALAN LAGI.

+SEPATUTNYA HARI INI KEMISKINAN SUDAH DIBASMI SEBANYAK 50 PERATUS DARI YANG TERDAPAT PADA TAHUN 1970 DAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG MAJMUK TIDAK LAGI TERBAHAGI DAN TERPISAH MENGIKUT KAUM DAN KEGIATAN EKONOMI MASING-MASING, + UJAR BELIAU.

—BERSAMBUNG 0942/HM

B511

UMNO-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN TIDAK ADA NEGARA MEMBANGUN ATAU YANG SUDAH MAJU YANG BIASA MENCUBA SATU PROGRAM PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT YANG BEGITU RADIKAL SEPERTI YANG DICIPTA OLEH DASAR EKONOMI BARU.

MALAYSIA MEMPERLIHATKAN SATU REVOLUSI YANG TERSUSUN UNTUK MENUKAR SATU BANGSA YANG MUNDUR KEPADA SATU BANGSA YANG KEMAS DAN MAJU YANG BOLEH MEMPERTAHANKAN NILAI-NILAI LAMA YANG BAIK DI SAMPING MENYERAP NILAI-NILAI BARU YANG PENTING.

INI DILAKUKAN WALAUPUN ADA ORANG YANG BERPENDAPAT BAHAWA MASYARAKAT TIDAK AKAN BERUBAH MELAINKAN DENGAN RAHPASAN KUASA DAN PEMBUNYIHAN DENGAN CARA REVOLUSI BERDARAH.

BAGAIMANAPUN UNTUK DEB BERJAYA, SEMUA PIHAK MESTILAH MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DENGAN CARA YANG BERKESAN DAN ANTARA MEREKA YANG PERLU MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR IALAH PARTI-PARTI POLITIK YANG MENDUKONG KERAJAAN.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA DEB TIDAK BERMAKNA SEMATA-MATA AGIHAN HARTA DAN KEKAYAAN KEPADA BUMIPUTERA.

—BERSAMBUNG 0945/HM

B512

UMNO-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

IA TIDAK JUGA MERUPAKAN PEMBERIAN LESEN DAN TENDER ATAU KONTRAK BEKALAN BINAAN KERAJAAN KEPADA BUMIPUTERA TETAPI KERJA KERJA DI SEMUA BIDANG: KERJA YANG RINGAN DAN BERAT, YANG MEMBERI PENDAPATAN YANG LUMAYAN DAN YANG TIDAK OLEH BUMIPUTERA.

SEMUA BIDANG MESTI ADA PENYERTAAN SECARA BERMAKNA OLEH ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA.

BELIAU MENJELASKAN PENYERTAAN SECARA BERMAKNA MEMBAWA ERTI PEKERJA BUMIPUTERA AKHIRNYA TIDAK LAGI BERSANDAR KEPADA PEKERJA BUKAN MELAYU DARI SEGI KECEKAPAN, KERAJINAN DAN DAYA PENGELUARAN.

DALAM HUBUNGAN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENKRITIK GOLONGAN -GOLONGAN TETENTU YANG DENGAN SENGAJA BERUSAHA MELEMAHKAN SEMANGAT ORANG-ORANG MELAYU. —BERSAMBUNG 0950/HM

UMNO-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA: +ADA ORANG MELAYU YANG MELARANG KITA DARI BELAJAR SELAIN DARIPADA PEKERJA ISADAH DAN AQIDAH DALAM ISLAM SAHAJA. KONONNYA PELAJARAN LAIN ADALAH SEKULAR.+

+DAN MEREKA MEMBUAT DAKWAAN INI: MELALUI ALAT PEMBESAR SUARA HASIL DARI PELAJARAN YANG MEREKA RECAM SEBAGAI HARAM. DAN MEREKA INI KE SANA KE SINI DENGAN KERETA DAN KAPALTERBANG UNTUK MEN- GEMBANGKAN DAKYAH SESAT MEREKA.

+MEREKA MEMAKAI KAIN YANG DIBIKIN OLEH NEGARA-NEGARA YANG MEN- GGUNAKAN ILMU YANG MEREKA KATAKAN HARAM. TETAPI MEREKA TIDAK SEGAN SILU MENDAKWA BAHAWA ILMU-ILMU YANG KITA PELAJARI DI SEKOLAH -SEKOLAH DI MALAYSIA ADALAH SEKULAR DAN HARAM.+

MENURUT BELIAU, GOLONGAN YANG LAIN PULA TIDAK MAHU MEMBUAT KERJA YANG BERAT DAN YANG KOTOR SEDIKIT WALAUPUN PENDAPATAN ADALAH LUMAYAN

GOLONGAN SEPERTI INI BERPENDAPATAN PEKERJAAN-PEKERJAAN SEPERTI ITU HARUS DIBUAT OLEH ORANG ASING DAN MEREKA TIDAK PERLU BERBUAT SESUATU SELAIN DARI MENJADI PENERIMA HASIL ORANG LAIN.

KALAU PUN MEREKA BEKERJA, MEREKA TIDAK MAHU KERJA DENGAN RAJIN ATAS ALASAN BAHAWA PERBUATAN SEPERTI ITU AKAN HANYA MENJADIKAN MEREKA HAMBА MAJIKAN. —BERSAMBUNG 0955/HM

B514

UMNO-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

+BAHAWA ORANG LAIN SUKA KITA MALAS DAN TIDAK CEKAP SUPAYA KITA BERGANTUNG KEPADA MEREKA SEPANJANG MASA TIDAK SEDIKIT PUN TERLINTAS DALAM FIKIRAN ORANG INI,+ KATANYA.

DI SAMPING ITU, ADA JUGA ORANG-ORANG YANG MEMBAWA PENDAPAT BAHAWA +BERNIAGA MENCARI KEKAYAAN ADALAH MATERIALISTIK DAN OLEH YANG DEMIKIAN JANGAN MELIBATKAN DIRI DENGAN PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN RASA SEDIHNYA KERANA APA JUA YANG DIBUAT UNTUK MENGURANGKAN PERGANTUNGAN ORANG-ORANG MELAYU KEPADA ORANG LAIN, MAKA AKAN ADALAH ORANG-ORANG MELAYU YANG MEN- GHALANGNYA.

+YANG LEBIH MENYEDIHKAN TALAH MEREKA INI SERING BERPURA-PURA SEBAGAI ORANG ISLAM DAN ORANG MELAYU YANG BERJUANG UNTUK ISLAM DAN UNTUK BANGSA MELAYU,+ JELASNYA.

SAMBIL MENSIFATKAN DAKYAH SEUMPAMA ITU SEBAGAI BAHAYA, BELIAU MENASIHATKAN ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENG- ARUH.

INI TALAH KERANA FALSAFAH TERSEBUT AKAN HANYA MENJADIKAN MEREKA SEKALI LAGI LEMAH SEPERTI NENEK MOYANG MEREKA YANG TERPAKSA TUNDUK KEPADA PIHAK BRITISH. —BERSAMBUNG 0959/HM

B515

UMNO - MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

AMALAN SEPERTI ITU JUGA AKAN LAMA KELAMAAN MENJADIKAN ORANG -ORANG MELAYU HAMDIA KEPADA ORANG LAIN, MEREKA AKAN MENJADI BEGITU +DEPENDENT+ SEHINGGA TIDAK TERDAYA MEMBANTAH APA SAHAJA YANG DIBUAT OLEH ORANG LAIN TERHADAP MEREKA. AKHIRNYA KEPERCAYAAN ORANG-ORANG MELAYU KEPADA DIRI SENDIRI DAN APA YANG MEREKA HARGAI, TERMASUK AGAMA, AKAN MEROSOT DAN ORANG-ORANG MELAYU +AKAN BALIK SEMULA KE TARAF MEREKA DI ZAMAN PENJAJAH YANG MANA PADA ZAHIRNYA MEREKA MEMERINTAH TEPI SEBENARNYA MEREKA TIDAK BOLEH BERBUAT SESUATU KERANA JIKA DI IZINKAN SEKALIPUN, MEREKA TIDAK BOLEH KERANA MEREKA TIDAK ADA KEBOLEHAN DAN TERLALU DEPENDENT.+ - BERSAMBUNG 1000/BW

B516

UMNO - MAHATHIR 9 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SRI DR. MAHATHIR, PADA SATU KETIKA BELIAU SENDIRI MENSIFATKAN UCAPAN YANG BERTEMAKAN +MENYERU KEPADA KEBAIKAN DAN MENCEGAH YANG BURUK+ ITU SEBAGAI SESUATU YANG MEMBOSANKAN DAN TIDAK BERSEMANGAT. +MEMPERJUANGKAN KEBAIKAN ADALAH SESUATU YANG SUKAR SEHINGGA UCAPAN INI PUN MEMBOSAN DAN TIDAK BERSEMANGAT DAN NYARING. +TETAPI KEBAIKAN MESTI DIPERJUANGKAN KERANA MAJU MUNDURNYA BANGSA MELAYU, AGAMA ISLAM DAN NEGARA MALAYSIA BERGANTUNG SEBENARNYA KEPADA AMALAN NILAI-NILAI YANG BAIK, + TEGAS BELIAU. SEBELUM ITU, BELIAU MENGAJAK PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO SUPAYA MENJADI PENYEDAR DAN PEMANDU YANG BERKESAN, MENYERU DAN MEMANDU KE ARAH KEBAIKAN SERTA MENUNJUKKAN NILAI-NILAI BAIK SEPERTI RAJIN, KUAT BELAJAR, KUAT BEKERJA, JUJUR DAN BERTANGGUNG-JAWAB. KATANYA, TUGAS PEMUDA DAN WANITA BUKAN SAHAJA MENDESAK DAN MENJADI +GINGER GROUP+ KEPADA PARTI DAN KERAJAAN TETAPI JUGA BERGERAK DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU, KHUSUSNYA MASYARAKAT MUDA, UNTUK MENYEDARKAN MEREKA TENTANG BAHAYANYA SIKAP YANG DIMILIKI OLEH SETENGAH DARI MEREKA. - BERSAMBUNG 1003/BW

B517

UMNO - MAHATHIR 10 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENSIFATKAN TUGAS YANG DIHARAPKAN DARI PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA ITU SEBAGAI SESUATU YANG TIDAK POPULAR DAN MENARIK, BELIAU MAHUKAN IA DILAKSANAKAN SEBAGAI SATU CABARAN YANG PERLU DIJAWAB DALAM TAHUN 1981 INI. KATANYA, TAHUN INI PENTING KERANA IA BUKAN SAHAJA MERUPAKAN TAHUN PERTAMA ABAD KE-15 HIJRAH, TETAPI JUGA TAHUN YANG MEMULAKAN DEKAD KEDUA DAN PENGHABISAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU, PELANCARAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DAN SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL. - BERNAMA 1007/BW

212